



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 5/2018 (PENGAL 2018/2020)  
28 NOVEMBER 2018 (20 RABIUL AWAL 1440H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seterusnya warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama dalam memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Selaku Datuk Bandar Petaling Jaya, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen terpenting yang perlu dikehadapkan.

**2. PROGRAM PENGHARGAAN PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU 2018**

**2.1 ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2017 “MURNInets”**

Majlis telah merangkul Anugerah Bandar Mampan “MURNInet” dengan mencatat markah paling tinggi iaitu 98.5% dan secara langsung menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) paling cemerlang dalam aspek kemampuan di

Malaysia. MURNInet adalah singkatan kepada **Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia** yang mengukur dan menilai kemampunan sesuatu kawasan di dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui satu set penunjuk bandar yang telah ditetapkan. Kriteria yang dinilai termasuklah berkaitan dengan **kadar kemiskinan bandar, pengurusan risiko bencana, penyediaan rumah mampu milik, aksesibiliti kepada kemudahan, kualiti alam sekitar, keselamatan dan pengangkutan.**

## **2.2 ANUGERAH PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU 2018- PENYEDIAAN LALUAN KAKI DAN LALUAN BASIKAL**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dipilih untuk memenangi **Anugerah Inisiatif Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan Anugerah Inisiatif Penyediaan Laluan Basikal** berdasarkan kepada beberapa kriteria di antaranya Majlis telah menyediakan pelan induk pengangkutan dengan mensasarkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam sebanyak 40% menjelang 2030. Majlis juga telah menyediakan jaringan laluan pejalan kaki dan basikal sepanjang lebih 300km dan turut mengambil kira keperluan reka bentuk sejagat dan pencegahan jenayah. Bermula tahun 2015, Majlis telah mensyaratkan semakan keperluan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal bagi permohonan kelulusan projek di Petaling Jaya.

Selaras dengan pelaksanaan 'Smart City' Petaling Jaya, pembangunan semasa, pemantauan, penganalisan dan perancangan bagi penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal lebih komprehensif melalui *dashboard* pengangkutan. Terdapat 3 kategori pelaporan yang dibangunkan untuk Dashboard Pengangkutan pada masa ini iaitu pelaporan prestasi perkhidmatan PJ City Bus, pelaporan *bus stop* dan pelaporan laluan pejalan kaki dan basikal.

### **2.3 ANUGERAH PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU 2018 – PEMBANGUNAN KEBUN KEJIRANAN**

Majlis juga telah mendapat **Anugerah Inisiatif Pembangunan Kebun Kejiranan** di mana terdapat 11 kebun kejiranan di Petaling Jaya di bawah jenama Kebun Kita. Program yang diasaskan oleh MBPJ ini telah diusahakan sepenuhnya oleh komuniti Petaling Jaya. Kelainan program ini adalah ianya merupakan satu-satunya program di Malaysia yang hanya di Petaling Jaya mempunyai kebun komuniti pertanian akuaponik (agrobox).

Program Kebun Agrobox ini sangat sesuai untuk kawasan kepadatan tinggi dan ia menggunakan sepenuhnya bahan organik. Pada masa yang sama, kebun ini juga turut menghasilkan sayur-sayuran dan penternakan ikan (tilapia, keli & puyu). Ia juga menggunakan air tadahan hujan dan air mata air (teknologi hijau) bagi mengurangkan karbon footprint bagi bekalan sayur dan ikan organik.

Antara lokasi kebun akuaponik adalah di Dataran Anak Muda Taman Datuk Haron, PPAS Desa Kg Lindungan, Pejabat Jabatan Lanskap, SMK Sultan Abdul Samad dan SK Sri Klana. Majlis juga telah memenangi anugerah peringkat kebangsaan iaitu Anugerah Kejiranan Mampan PJ 2017, Anugerah Kejiranan UMCares 2017, Anugerah Green Initiatives Institut Arkitek Lanskap Malaysia 2017 dan Anugerah Taman Eco-friendly di Royal Floria 2018.

## **2.4 ANUGERAH PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU 2018 -PROGRAM PENGKOMPOSAN SISA**

Majlis turut menerima Anugerah Inisiatif Program Pengkomposan Sisa. Program pengkomposan merupakan sebahagian strategi PJ Mampan 2030 di mana kajian komposisi sampah mendapati 48% adalah sisa organik. Sampah merupakan sumber karbon *emission* ke-2 terbesar selepas tenaga. Oleh itu, program pengkomposan dapat memberi impak yang besar kepada perbelanjaan pengurusan sampah dan karbon *emission* di bandar.

Di Petaling Jaya, program pengkomposan dijalankan berdasarkan konsep sisa itu satu aset dan pelaksanaan program telah melibatkan penyertaan individu, komuniti dan NGO selaras dengan semangat LA 21. Majlis telah mengambil pendekatan secara insentif ekonomi iaitu pemberian rebat cukai taksiran dan secara sukarela iaitu pemberian tong kompos percuma.

Kerajaan negeri Selangor juga telah bersetuju melaksanakan proses rawatan sisa secara kaedah waste to energy di peringkat PBT. Oleh itu, pusat pengkomposan yang dibangunkan oleh MBPJ telah menggunakan teknologi anaerobic digester yang menghasilkan kompos cecair dan biogas yang boleh menjana tenaga elektrik.

Pada masa sekarang, 3 lokasi pusat pengkomposan milik MBPJ telah diwujudkan iaitu di:

- a) Pusat Smart PJ Waste Solution Lab di SS2 – kapasiti 2 tan sehari
- b) Pusat PJ Eco-Recycling Plaza di SS8 – kapasiti 2 tan sehari
- c) Ibu Pejabat MBPJ – kapasiti 30 kg sehari

## 2.5 ANUGERAH KHAS MENTERI

Kemuncak bagi anugerah-anugerah yang diterima MBPJ adalah Anugerah Khas pilihan Menteri Wilayah. Majlis telah membawa pulang Piala Pusingan dan hadiah iringan bagi anugerah ini. Antara kelebihan MBPJ adalah dalam aspek inovasi, penglibatan komuniti dan pelbagai pihak dalam setiap program kejuranan hijau. Kriteria utama yang dinilai bagi pencapaian ini adalah kejayaan dan komitmen MBPJ dalam mengintegrasikan garis panduan dan keperluan syarat-syarat termasuklah reka bentuk sejagat (Universal Design), Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED) dan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Kejuranan Hijau dalam semakan pelan pembangunan dan syarat kelulusan Kebenaran Merancang (KM).

## 3. ANUGERAH SIJIL 5 BINTANG KPI HRMIS 2017

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima Sijil 5 Bintang KPI HRMIS 2017 dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Penarafan sijil ini adalah kerana setiap agensi/jabatan di bawah SUK telah mencapai KPI 100 Peratus. Komponen yang ada di dalam KPI HRMIS ialah **Data Perjawatan** (berdasarkan setiap waran terbaru yang dikeluarkan oleh JPA kepada jabatan/agensi), **Permunian Data** (antara komponen yang diambil kira dalam permunian data ialah Pendidikan, Status Lantikan, Mata Gaji dan lain-lain), **LNPT**, **SKT**, **Pengisytiharan Harta** dan **Status Pengumpulan Data** (Penamatan Perkhidmatan). Setiap data ini akan dikemaskini setiap tahun berdasarkan maklumat dari JPA dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK.

#### **4. ANUGERAH PENARAFAN BINTANG STANDARD KUALITI PERKHIDMATAN PSIKOLOGI**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah berjaya menerima penarafan 5 Bintang bagi **Anugerah Penarafan Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi (SKPPsi) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018**. Anugerah ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Pengiktirafan 5 bintang tersebut telah diperolehi melalui audit naziran yang ketat oleh Bahagian Sumber Manusia SUK negeri Selangor dimana hanya 9 daripada 42 Jabatan/agensi yang berjaya mendapat penarafan 5 bintang tersebut.

Audit naziran atau penarafan ini adalah bertujuan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan psikologi dalam perkhidmatan awam bagi memastikan pekeliling 18/2005: Aplikasi Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia dilaksanakan secara menyeluruh oleh Jabatan/Agensi kerajaan negeri Selangor dimana kriteria auditnya memberi fokus kepada pelaksanaan program AKRAB dan Pementoran oleh setiap Jabatan/agensi.

Untuk makluman, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (AKRAB) ialah organisasi yang ditubuhkan bagi melahirkan rakan pembimbing sekerja untuk membantu melahirkan suasana budaya kerja yang positif di jabatan/agensi kerajaan.

MBPJ mempunyai seramai 14 orang ahli AKRAB yang telah mendapat pentauliahkan rasmi dan perakuan pengiktirafan dari pihak pentadbiran JPA/SUK Negeri Selangor. Selain itu, MBPJ turut mempunyai Bilik AKRAB sendiri yang terletak di Plaza Sunken, Menara MBPJ dan telah

beroperasi dan memberikan perkhidmatannya kepada kakitangan yang memerlukan sejak 2017.

Selain penggunaan untuk kakitangan, bilik AKRAB tersebut juga boleh digunakan orang ramai untuk mendapatkan khidmat kaunseling yang akan diselaraskan dengan Talian Sahabat Negeri Selangor. Semoga pencapaian ini akan meningkatkan lagi tahap aktiviti dan penganjuran program Akrab dan kaunseling diperingkat Majlis.

## **5. KEMPEN KITAR SEMULA STYROFOAM DAN PRA PERASMIAN PJ ECO RECYCLING PLAZA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Majlis Pelancaran Kempen Kitar Semula Styrofoam dan Pra Perasmian PJ Eco Recycling Plaza bertempat di SS 8/39, Petaling Jaya, Selangor pada 5 November yang lalu.

Penganjuran majlis ini adalah selari dengan visi MBPJ ke arah PJ Sustainable 2030 yang bertindak sebagai alternatif menyelesaikan penjanaan sampah di Petaling Jaya yang kini telah mencecah 600 tan sampah setiap hari. Selain itu Majlis juga komited meneruskan usaha untuk mengurangkan kos pengurusan sampah yang tinggi. Setakat ini, Majlis telah memperuntukkan hampir RM 5 juta daripada belanjawan tahunan hanya untuk pengurusan sampah sahaja.

Penganjuran kempen kitar semula styrofoam adalah bertujuan untuk menangani masalah utama pembuangan sisa styrofoam di Petaling Jaya. Sisa styrofoam atau dikenali sebagai *expanded polystyrene* (EPS) adalah sejenis plastik yang mengambil masa lebih kurang 500 tahun untuk di urai.

Berdasarkan kajian, styrofoam dihasilkan daripada plastik yang berasaskan petroleum dan bahan kimia sintetik yang dikenali sebagai *styrene*. Styrofoam juga boleh menjadi punca kepada masalah pernafasan dan persekitaran kerana bahan ini mengeluarkan kimia sintetik ke udara. Dianggarkan sebanyak 14 juta tan metrik pembuatan atau bahan penghasilan styrofoam dihasilkan setahun dan secara tidak langsung menjadikan sisa styrofoam adalah sampah paling banyak di dunia.

Selain daripada itu, majlis pra perasmian PJ Eco Recycling Plaza juga telah diadakan. PJ Eco Recycling Plaza dijangka siap sepenuhnya pada penggal ketiga tahun 2019. Sehingga kini, MBPJ telah membelanjakan sebanyak RM 450 ribu bagi facade bangunan, tingkat bawah dan kawasan luar bangunan. Dijangka sebanyak RM 1 juta akan dibelanjakan bagi memastikan bangunan itu beroperasi sepenuhnya pada tahun depan. Majlis juga turut meluluskan pembiayaan sebanyak RM 840 ribu bagi melengkapkan projek *Waste Treatment Facility* di sini.

MBPJ juga turut menerima sumbangan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor sebanyak RM 100 ribu dan juga sumbangan daripada sektor korporat untuk membangunkan projek ini.

PJ Eco Recycling Plaza merupakan projek pertama di Malaysia yang mempamerkan sisa hasil daripada pengasingan sampah. Bangunan plaza itu akan mempunyai sudut pameran atau galeri 3R, bengkel *upcycling*, ruang aktiviti kanak-kanak dan komuniti, studio tayangan video, dan bilik kemudahan seminar.

Majlis turut mempelawa agar pemilik premis kedai, hotel, penjaja, serta penduduk di Petaling Jaya supaya menghantar sisa makanan dan sisa styrofoam ke plaza ini untuk proses pengkomposan dan kitar semula.



Untuk makluman jumlah kediaman yang telah menyertai program 3R adalah sebanyak 9,238 unit rumah dimana sebanyak 65 tan barangan kitar semula telah berjaya diasingkan. Majlis juga turut mempunyai tempat pengkomposan tersendiri iaitu Smart PJ Waste Solution Lab yang terletak di Jalan SS 2, Petaling Jaya.

Usaha yang dijalankan ini merupakan komitmen Majlis untuk menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya mampan, rendah karbon melalui amalan aktiviti 3R dan bebas pencemaran alam sekitar. Ini selaras dengan Sustainable Development Goal (SDG) dan *New Urban Agenda* yang menghendaki PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) beraspirasi ke arah bandar raya hijau dan berdaya saing menangani masalah setempat.

## **6. KESEDARAN ALAM SEKITAR BERKONSEPKAN BENGKEL AMALAN HIJAU**

Majlis telah mengadakan kem kesedaran alam sekitar dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Negeri Selangor pada 16 November hingga 18 November yang lalu bertempat di Hutan Lipur Sungai Tua, Ulu Yam. Penyertaan ini disertai oleh pelajar sekolah daripada Sekolah Kebangsaan Tropicana dan Sekolah Kebangsaan Petaling Jaya.

Bertemakan bengkel amalan hijau, peserta didedahkan dengan empat modul yang merangkumi elemen pengkomposan sisa makanan, pengkomposan sampah kebun dan guna pakai barangan terbuang.

Pemilihan tajuk bengkel amalan hijau adalah selaras dengan hasrat Majlis untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau, mampan dan berdayahuni. Sepanjang program berlangsung, modul pengkomposan sisa makanan yang terdiri daripada sayur-sayuran dan buah-buahan diajar kepada peserta dari sudut teori mahupun praktikal. Peserta juga didedahkan dengan kegunaan hasil kompos ini iaitu

dijadikan kepada enzim pencuci yang bertindak seperti sabun mesra alam.

Peserta juga didedahkan dengan pengenalan flora dan fauna yang terdapat di Hutan Lipur Sungai Tua bagi menanam semangat kecintaan terhadap alam semula jadi yang bertahan sehingga kini.

## **7. OPERASI PENGUATKUASAAN : OPERASI METANOL**

Majlis telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang memborong dan menjual minuman beralkohol melalui beberapa siri semakan dan operasi.

Operasi-operasi ini dijalankan secara bersepadu bersama jabatan dalaman dan agensi luar. Hasil daripada pemeriksaan dan serbuan yang dilakukan, sebanyak 59 tindakan kompaun dan 11 tindakan sitaan telah dilaksanakan. Manakalan, sebanyak 2 kes telah dipanjangkan ke peringkat pendakwaan.

Operasi-operasi ini akan terus dilaksanakan bagi memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis.

**Sekian, terima kasih.**